



قجاجة قربندهاران نكري كلتن
PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI KELANTAN
Blok 4, Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429
Penolong Pegawai Kewangan Negeri I : 09-7441024
Ketua Unit Analisis & Pemantauan Pelaburan : 09-7483495
Bendahari Negeri : 09-7483484
Fax No : 09-7487113
E-mail : pejkn@kelantan.gov.my

Ruj. Kami : P.K.N.A. 7/1-1/Jld.2(67)
Bertarikh : 24 Jamadilakhir 1431H
07 Jun 2010M

Ke Majlis,

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL NEGERI KELANTAN

Dato' /Tuan/Puan,

SURAT ARAHAN MENGENAI KEWAJIPAN KETUA JABATAN UNTUK MENDAPATKAN SURAT PENGESAHAN HUTANG/SIJIL HUTANG PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa semua Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan pengesahan Hutang/Sijil Hutang Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri disetiap Jabatan masing-masing daripada pentadbiran ini bagi keadaan seperti berikut:-


- 2.1. Mana-mana Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang akan bersara wajib/bersara pilihan.
- 2.2. Mana-mana Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang memohon berhenti kerja/meletak jawatan.
- 2.3. Mana-mana Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang memohon cuti tanpa gaji diambil.
- 2.4. Mana-mana Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sebelum pembayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) dibuat.

3. Pegawai Pengawal juga adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua hutang daripada Kerajaan Negeri yang ditanggung oleh Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di Jabatan masing-masing diselesaikan terlebih dahulu sebelum kelulusan permohonan seperti di para 2.1 sehingga 2.4 diluluskan. Kegagalan Pegawai Pengawal berbuat demikian dianggap sebagai perlanggaran kepada arahan ini dan boleh dikenakan surcaj/seumpamanya.

Sekian, terima kasih.

**** SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT ****

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)

Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

S.K.

1. Yang Berhormat Dato' Seri Setia Raja
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
2. Yang Berusaha Ketua Penolong Setiausaha (Pusat Sumber Manusia)
3. Yang Berusaha Ketua Audit Dalam